

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 1 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L15408
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Malaysia perlu menunaikan komitmen komersial untuk membeli barangan Amerika Syarikat dan melabur di Amerika Syarikat yang dianggarkan bernilai sekitar AS\$240 bilion di bawah Perjanjian Perdagangan Timbal Balik Malaysia-Amerika Syarikat (ART) dalam tempoh masa yang dipersetujui.

2. PN-1543-L14803
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan projek bekalan air luar bandar di Sabah yang menerima peruntukan RM720 juta di bawah Belanjawan 2026.

3. PN-1543-L15387
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana dasar pembangunan perumahan akan memastikan projek baharu bukan sekadar menara tanpa landskap, kemudahan awam atau identiti komuniti, sedangkan bukti menunjukkan reka bentuk bandar seimbang mampu meningkatkan nilai hartanah dan kesejahteraan masyarakat.

4. PN-1543-L14848
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menyediakan elaun kritikal bagi jurupulih perubatan fisioterapi dan jurupulih perubatan cara kerja yang telah lama terpinggir berbanding dengan jawatan lain sedangkan risiko pekerjaan adalah sama.

5. PN-1543-L14709
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah kemajuan kewangan dan fizikal projek-projek di bawah KKDW bagi daerah Saratok dan Kabong setakat November 2025.
6. PN-1543-L14978
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah sebenar projek perumahan mampu milik yang siap dan diserahkan kepada rakyat untuk tahun 2024, serta langkah bagi mempercepatkan penyiapan projek yang tertangguh.
7. PN-1543-L14741
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kompaun kesalahan yang dikeluarkan terhadap syarikat-syarikat yang ingkar mencarum PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja setakat bulan Oktober 2025.
8. PN-1543-L15183
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) status terkini stok vaksin influenza di setiap negeri mengikut maklumat Kementerian, memandangkan terdapat peningkatan kes dan permintaan vaksin sehingga banyak negeri kehabisan stok; dan
 - (b) apakah langkah segera yang diambil oleh Kementerian untuk membawa masuk vaksin terkini yang dapat memberi perlindungan daripada *strain dominan* H3N2.
9. PN-1543-L15355
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) bilakah Kerajaan akan membangunkan Pelan Induk Kereta Api Malaysia dan adakah Kerajaan berhasrat melaksanakan pemisahan fungsi antara Railway Assets Corporation dan Keretapi Tanah Melayu Berhad sehingga mencapai tahap 90 peratus seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas; dan
 - (b) apakah usaha Kerajaan dalam membangunkan sistem pengangkutan awam di Negeri Sembilan.

10. PN-1543-L14917
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status pelaksanaan gaji progresif dan mengapa negeri Selangor sebagai negeri paling besar tenaga kerja industri tidak dijadikan perintis utama sejak awal.
11. PN-1543-L15141
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam penetapan status serta pewartaan Kampung Orang Asli Berdud di DUN Jenderak, Kuala Krau, Pahang memandangkan komuniti tersebut telah lama menetap di kawasan berkenaan dan masih berlaku pertindihan dengan kawasan pengurusan PERHILITAN.
12. PN-1543-L15269
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah strategik Kerajaan dalam menangani isu kekurangan doktor dan jururawat akibat peningkatan kadar peletakan jawatan serta kesannya terhadap perkhidmatan di hospital daerah dan klinik luar bandar.
13. PN-1543-L15226
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bentuk penalti atau tindakan yang dikenakan terhadap syarikat platform yang gagal menunaikan tanggungjawab caruman perlindungan sosial sebanyak 10 peratus bagi pekerja gig seperti yang ditetapkan Kerajaan.
14. PN-1543-L14791
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi tujuan menaik taraf Medan Selera Sarikei dan Pusat Penjaja Sarikei, serta apakah penambahbaikan yang telah dilaksanakan.
15. PN-1543-L15041
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan dibelanjakan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera sehingga kini, serta bilangan peserta yang telah menerima tajaan di bawah yayasan tersebut mengikut bidang atau program yang ditawarkan.

16. PN-1543-L14828
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah dasar-dasar sektor perdagangan sedia ada yang boleh melindungi pihak industri daripada terkesan dengan Mekanisme Pelarasan Sempadan Karbon (CBAM) oleh pihak Kesatuan Eropah, sejajar dengan rancangan Kerajaan mengenakan cukai karbon yang melibatkan produk besi, keluli dan tenaga bermula tahun 2026.
17. PN-1543-L15481
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah Tahap Sara Diri (SSL) daging lembu, kerbau dan kambing di negara ini dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan tahap SSL tersebut sentiasa mencukupi.
18. PN-1543-L15180
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan kemajuan projek jalan dan bekalan air luar bandar Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan berapakah peruntukan yang telah diberikan dan dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di Sarawak.
19. PN-1543-L15115
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan komitmen dan jaminan oleh pembekal Sistem Aerotrain KLIA agar masalah gangguan teknikal, operasi dan selenggaraan sistem Aerotrain benar-benar sempurna serta sejauh mana obligasi kontrak dilaksanakan secara berintegriti.
20. PN-1543-L15100
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah kekurangan tenaga muda telah memberi implikasi terhadap keterjaminan sektor agromakanan negara, dan apakah inisiatif yang dirangka oleh Kementerian bagi mengatasi kekurangan tenaga muda ini secara jangka pendek dan panjang.
21. PN-1543-L15419
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pelan tuaian yang dilaksanakan oleh Forest Plantation Development Sdn Bhd sebagai syarikat tujuan khas (SPV) di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang telah diperuntukkan RM1.045 bilion mengikut spesies pokok dan jumlah, serta status semasa pembayaran balik peminjam.

22. PN-1543-L15202

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menilai semula model pelaksanaan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) termasuk aspek penetapan harga, lokasi projek dan mekanisme kelulusan bagi mengelakkan pembaziran serta meningkatkan pengagihan kecekapan kepada golongan yang layak dalam menangani isu rumah siap tetapi tidak terjual.

23. PN-1543-L14982

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah status pelaksanaan dan perancangan terkini projek tenaga boleh diperbaharui seperti solar dan mikro hidro di kawasan pedalaman Sabah yang sering mengalami gangguan bekalan elektrik, sejajar dengan sasaran tenaga hijau di bawah Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Sabah 2023-2050; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan tenaga boleh diperbaharui di Sabah bukan sekadar meningkatkan liputan elektrik, tetapi juga mencipta peluang ekonomi tempatan melalui penglibatan koperasi kampung, usahawan muda, dan tenaga kerja teknikal tempatan dalam industri tenaga hijau.

24. PN-1543-L14940

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kemajuan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) dalam menarik pelaburan berimpak tinggi ke sektor teknologi hijau.

25. PN-1543-L15510

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan projek infrastruktur di kawasan Orang Asli disiapkan seperti perancangan mengikut jadual dan keperluan sebenar penduduk.

26. PN-1543-L15374

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha menjelaskan secara berkesan isu-isu yang dibangkitkan dalam Perjanjian Timbal Balik (ART) yang membawa naratif memburukkan usaha Kerajaan MADANI menyelamatkan dan mengembangkan ekonomi negara.

27. PN-1543-L14736
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana kesiapsiagaan Kementerian menghadapi kemungkinan peningkatan kes jangkitan penyakit bawaan udara seperti influenza dan COVID-19 menjelang musim hujung tahun, serta tindakan proaktif yang telah diambil bagi memastikan hospital awam mencukupi dari segi tenaga kerja dan peralatan.
28. PN-1543-L15124
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam memperkasa industri buah mepelam harum manis agar terus menjadi ikon eksport negeri Perlis serta perancangan untuk mengeksportnya ke pasaran ASEAN dan Eropah.
29. PN-1543-L14826
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Kerajaan meletakkan nilai kriteria dan mengukur pekerjaan hijau yang dijana bagi warga tempatan dari tahun 2023 kepada 2025 agar mencapai objektif dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR); dan
 - (b) apakah langkah yang diambil Kerajaan dalam menggalakkan penggunaan cekap tenaga bagi pemilik peniagaan.
30. PN-1543-L14840
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimana Kerajaan mengimbangi keperluan pembangunan ekonomi dengan tanggungjawab terhadap kelestarian biodiversiti, khususnya di kawasan hutan simpan dan ekosistem pesisir pantai.
31. PN-1543-L14784
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat mana sasaran pengurangan pekerja asing kepada 10 peratus daripada tenaga kerja menjelang 2030 dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) telah diatur dan bagaimana kemajuannya.
32. PN-1543-L15334
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bersedia menubuhkan Majlis Perundingan MM2H yang merangkumi wakil industri dan agensi berkaitan bagi menjamin dasar yang inklusif; dan

- (b) adakah Kementerian pernah membuat kajian perbandingan MM2H yang dibuat dengan Thailand, Filipina dan Indonesia yang menawarkan syarat kewangan yang lebih longgar serta nyatakan jumlah permohonan MM2H mengikut negara selepas peraturan dirombak.
33. PN-1543-L15088
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah jumlah senarai memorandum persefahaman (MoU) bilateral yang telah dimeterai oleh Kerajaan dalam pasaran kredit karbon negara berdasarkan Nationally Determined Contribution (NDC) di bawah Perjanjian Paris.
34. PN-1543-L15080
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengembalikan pilihan raya Kerajaan Tempatan terutamanya bagi majlis-majlis perbandaran demi mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan.
35. PN-1543-L15268
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan pelaksanaan projek rintis penggunaan biodiesel sawit B20 serta rancangan Kerajaan untuk memperluas penggunaannya ke seluruh negara bagi menggalakkan tenaga hijau berasaskan komoditi tempatan.
36. PN-1543-L15506
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana perancangan dan kejayaan program pembangunan ekonomi luar bandar melibatkan komuniti Orang Asli.
37. PN-1543-L14955
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah strategik untuk menangani punca kemiskinan multidimensi yang berpunca daripada kekangan pendidikan, infrastruktur, dan akses kepada perkhidmatan asas di kawasan luar bandar, serta mekanisme penyelarasan antara Kementerian dan peruntukan khas bagi memastikan penyampaian perkhidmatan asas di kawasan termiskin dapat disegerakan.

38. PN-1543-L14809
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah konkrit untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, terutama beras, daging dan sayuran.
39. PN-1543-L15453
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh agensi di bawah Kementerian seperti TEKUN, MITRA dan lain-lain bagi membantu usahawan OKU sepanjang tahun 2024 dan 2025, serta apakah inisiatif khusus yang dilaksanakan bagi meningkatkan penglibatan golongan OKU dalam bidang keusahawanan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
40. PN-1543-L14793
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Klinik Kesihatan Bintangor mempunyai perkhidmatan ambulans, dan jika ada, adakah perkhidmatan tersebut beroperasi selama 24 jam.
41. PN-1543-L15091
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan anggaran kadar tambang penumpang bagi projek ECRL yang dijangka mula beroperasi pada awal tahun 2027.
42. PN-1543-L15216
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peserta FELCRA Berhad yang tidak menerima bayaran dividen hasil keuntungan projek bagi tempoh tahun 2023 hingga suku pertama tahun 2025 serta apakah usaha konkrit yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi membela nasib mereka.
43. PN-1543-L15022
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan daripada subsidi untuk sokongan harga dan insentif pengeluaran yang jumlahnya agak signifikan, berapa peratus daripada bajet Kementerian untuk 2026 yang benar-benar sampai kepada petani dan berapa peratus diserap sebagai kos pentadbiran, perantara atau birokrasi.

44. PN-1543-L14853

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melaksanakan projek perumahan mampu milik yang baharu kepada rakyat yang menetap di Kelantan.

45. PN-1543-L15167

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah melindungi kawasan hutan Nilai Pemulihan Tinggi dan Simpanan Karbon Tinggi di Sarawak.

46. PN-1543-L14918

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan penambahan hospital baharu di kawasan pertumbuhan pesat seperti Setia Alam, Kota Kemuning dan Seri Kembangan.

47. PN-1543-L15503

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah mitigasi Kementerian untuk memperluas pendigitalan dalam sektor pertanian berpotensi tinggi seperti padi, buah-buahan, sayuran dan akuakultur, serta bagaimana Kerajaan memastikan inisiatif ini benar-benar mengurangkan kebergantungan tinggi terhadap import yang terdedah kepada risiko dan ketidaktentuan global.

48. PN-1543-L15146

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme yang membolehkan masyarakat Orang Asli tanpa geran tanah tetap layak memohon skim perumahan seperti Rumah Mesra Rakyat melalui pengesahan JAKOA atau mana-mana agensi yang sesuai sebagai asas kelayakan.

49. PN-1543-L14719

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak khususnya daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi pada tahun 2026.

50. PN-1543-L15317

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan penubuhan pasukan petugas khas (task force) dalam menyelesaikan masalah unit MYKiosk yang masih belum diisi dengan kadar segera bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sumber.

51. PN-1543-L15020

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan walaupun pertanian penyumbang penting kepada KDNK dan pekerjaan negara, mengapa Malaysia masih mengimport kira-kira 60 peratus makanan seperti beras dan daging sedangkan pesawah dan penternak di negara ini masih bergelut dengan kelangsungan hidup.

52. PN-1543-L14958

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah segera dan strategik Kementerian khususnya untuk menarik dan menampung jurang tenaga kerja menggunakan warga tempatan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, serta nyatakan bentuk insentif, reformasi struktur gaji, keadaan kerja dan keberkesanan program padanan pekerjaan yang dijalankan.

53. PN-1543-L14985

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah hasil siasatan teknikal dan audit kejuruteraan yang telah dijalankan oleh JKR terhadap Projek Jambatan Sungai Damit di Tamparuli, Sabah yang menelan kos asal RM17 juta dilaporkan mengalami kecacatan struktur dan kecondongan sejeurus selepas siap dibina, sehingga memerlukan peruntukan tambahan hampir RM30 juta bagi pembinaan semula; dan
- (b) apakah langkah-langkah kawalan kualiti dan pemantauan baharu yang dilaksanakan bagi memastikan integriti projek infrastruktur di Sabah tidak terjejas oleh kelemahan reka bentuk, pengawasan atau amalan subkontraktor yang tidak berkualiti.

54. PN-1543-L15036

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana Kementerian telah menggunakan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam mempercepat urusan pengurusan tanah Kerajaan, termasuk penilaian permohonan, pemetaan digital dan pengesanan pencerobohan tanah secara masa nyata, bagi meningkatkan kecekapan serta ketelusan pentadbiran tanah negara.

55. PN-1543-L15136

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menambah hospital baharu di Perlis atau menaik taraf Hospital Tuanku Fauziah, Kangar bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat.

56. PN-1543-L15326

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perkembangan terkini pindaan Akta Pembangunan Mineral 1994 bagi memastikan akta ini dapat memenuhi keperluan semasa berkenaan perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di seluruh negara.

57. PN-1543-L14869

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai hasrat untuk menyertai Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 1991 (UPOV 1991), serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pandangan dan kepentingan para petani dipertimbangkan melalui proses libat urus yang menyeluruh.

58. PN-1543-L15508

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan peruntukan baru berkaitan pampasan tanah dan hak politik Orang Asli dalam pindaan Akta Orang Asli 1954 [Akta 134].

59. PN-1543-L14738

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneliti semula pembiayaan projek Pusat Kanser Sarawak yang dijangka menelan kos melebihi RM1 bilion, dan adakah pemberian peruntukan khas akan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan autonomi kesihatan negeri.

60. PN-1543-L15122

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk melaksanakan semula Skim Bantuan Menunggu Tuaian sebanyak RM600 semusim kepada penanam padi, seperti yang pernah diberikan sebelum ini.

61. PN-1543-L15382

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) mengapa sebilangan besar restoran India dan India Muslim tempatan menghadapi kesukaran mendapatkan kelulusan pengambilan pekerja asing, sedangkan sektor tersebut terbukti kekurangan tenaga kerja tempatan untuk menampung operasi harian; dan
- (b) apakah langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menambah baik proses kelulusan dan mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi terhadap pengusaha sah dalam sektor makanan dan perkhidmatan ini.

62. PN-1543-L15145

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah Kerajaan memastikan peruntukan pembangunan diagih secara lebih seimbang dan saksama di antara negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak berasaskan keperluan untuk pembangunan bagi terutamanya Sabah dan Sarawak yang masih mundur dari segi infrastruktur-infrastruktur asas.

63. PN-1543-L14867

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kerajaan meningkatkan eksport durian sejuk beku, durian segar dan durian *pulp and paste* ke luar negara serta pasaran baharu yang bakal diterokai bagi memperluas pasaran durian negara.

64. PN-1543-L15090

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Persekutuan untuk memajukan tanah terbiar bagi meningkatkan produktiviti serta menjana pulangan ekonomi yang menguntungkan negara, khususnya kepada pemilik tanah, memandangkan terdapat kira-kira 104,000 hektar tanah terbiar di seluruh Malaysia, termasuk 29,392 hektar di negeri Pahang sahaja.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|--------------------------|
| 1. | (D.R.31/2025) | Rang Undang-undang Agensi Persendirian (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 2. | (D.R.29/2025) | Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup] | |
| 3. | *(D.R.30/2025) | Rang Undang-undang Perbekalan 2026 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | *(D.R.32/2025) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 5. | *(D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 6. | *(D.R.35/2025) | Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 7. | *(D.R.34/2025) | Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |

- | | | | |
|-----|----------------|---|--------------------------|
| 8. | *(D.R.37/2025) | Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Jabatan Perdana Menteri] | |
| 9. | *(D.R.36/2025) | Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Perpaduan Negara] | |
| 10. | *(D.R.38/2025) | Rang Undang-undang Kewangan 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 11. | *(D.R.39/2025) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 12. | *(D.R.40/2025) | Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Kedua |
| | | [Menteri Komunikasi] | |

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD. 9	Tinjauan Ekonomi 2026 / Economic Outlook 2026	1 Disember 2025
CMD. 10	Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2026 / Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates 2026	1 Disember 2025
CMD. 11	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026	1 Disember 2025
CMD. 12	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026	1 Disember 2025
CMD. 13	Senarai Perjawatan 2026	1 Disember 2025
CMD. 14	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 dan Aktiviti Kementerian / Jabatan / Syarikat Kerajaan Persekutuan	1 Disember 2025
CMD. 15	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Johor	1 Disember 2025
CMD. 16	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Kedah	1 Disember 2025
CMD. 17	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Kelantan	1 Disember 2025
CMD. 18	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Melaka	1 Disember 2025
CMD. 19	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Negeri Sembilan	1 Disember 2025
CMD. 20	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Pahang	1 Disember 2025
CMD. 21	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Perak	1 Disember 2025
CMD. 22	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Perlis	1 Disember 2025
CMD. 23	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Pulau Pinang	1 Disember 2025
CMD. 24	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Sabah	1 Disember 2025
CMD. 25	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Sarawak	1 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD. 26	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Selangor	1 Disember 2025
CMD. 27	Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Terengganu	1 Disember 2025
CMD. 28	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Bagi Tahun 2024	1 Disember 2025
ST. 122	AKTA AUDIT 1957 Perintah Audit (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 2025 P.U. (A) 255/2025 diwartakan pada 15 Ogos 2025	1 Disember 2025
ST. 150	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024	1 Disember 2025
ST. 155	AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964 AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH 1955 Kaedah-Kaedah Mahkamah (Pindaan) 2025 P.U.(A) 265/2025 diwartakan pada 21 Ogos 2025	1 Disember 2025